Koperasi perlu ambil peluang globalisasi

UM- 13/3/2007

KUALA LUMPUR 12 Mac – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, koperasi perlu mengambil peluang sepenuhnya daripada kesan globalisasi untuk menjadikannya lebih berdaya saing, tahan dan berkekalan.

Menurut Perdana Menteri, koperasi boleh menangani globalisasi dengan mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan ketahanan mereka sebagai pergerakan sosioekonomi kekal.

"Sebagai permulaan, koperasi mesti memastikan keperluan pentadbiran asas ditepati seperti pengelolaan mesyuarat tahunan dan pengauditan akaun.

"Seterusnya, koperasi perlu ada pengasingan jelas antara peranan lembaga pengarah yang sepatutnya menumpu kepada isu-isu polisi dan pengurusan yang sepatutnya menumpu kepada operasi harian perniagaan.

"Dalam hal ini, koperasi perlu mendapatkan penglibatan pengurus-pengurus berkemahiran dalam perniagaan dan khidmat profesional dalam merancang serta melaksanakan pelbagai projek," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa merasmikan Persidangan Menteri-Menteri Koperasi Asia Pasifik Kelapan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Persidangan empat hari itu membawa tema 'Kesaksamaan Globalisasi Menerusi Kerjasama Koperasi' dan dihadiri peserta daripada 32 negara.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Presiden Gerakan Koperasi Antarabangsa (ICA), Pablo Cafferberini.

Abdullah berkata, fasa pembangunan koperasi seterusnya melibatkan jaringan antara negara bagi memanfaatkan sumber yang ada dan menjadi lebih cekap dari segi kos.

"Dengan cara ini, koperasi boleh menambah nilai kepada rantaian aktiviti sedia ada selain mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang mewujudkan nilai baru," katanya.

Beliau berkata, matlamat itu hanya dapat dicapai jika para pemimpin koperasi lebih bersifat keusahawanan dalam merancang dan melaksanakan strategi mereka.

Dalam hal ini, kata beliau, Malaysia menyokong penuh persidangan tersebut bagi memastikan agenda koperasi berada di tampuk pembangunan nasional di beberapa negara rantau ini.

"Adalah menjadi harapan saya agar persidangan ini membantu mewujudkan jangka masa bagi negara-negara anggota melaporkan pencapaian mereka pada persidangan akan datang.

"Dengan cara ini, kita berupaya menjejaki komitmen semua pihak yang terlibat dalam memastikan agenda koperasi terus diberi penghormatan yang sepatutnya," ujar Abdullah.

YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA